

PENYUSUAN IBU - KEPERCAYAAN YANG SALAH

Kolostrum tidak bagus, malahan adalah merbahaya untuk bayi.

TIDAK! Kolostrum amat penting untuk pembesaran dan perkembangan normal bagi bayi: 1) Imunisasi yang pertama – ia memberi perlindungan terhadap jangkitan-jangkitan usus dan lain-lain jangkitan. 2) Bertindak sebagai pelawas untuk mengurangkan demam kuning (*jaundice*).

Bayi yang baru dilahirkan memerlukan teh yang istimewa atau lain-lain bahan makanan di dalam bentuk cecair sebelum penyusuan badan.

TIDAK! Sebarang pemakanan yang diberikan sebelum penyusuan (iaitu sebarang jenis cecair atau bahan makanan yang diberikan sebelum memulakan penyusuan badan) meningkatkan risiko jangkitan terhadap bayi, ia juga mengurangkan kebarangkalian untuk meneruskan penyusuan badan sepenuhnya dan mengurangkan masa penyusuan.

Bayi-bayi tidak akan mendapat pemakanan ataupun bahan makanan di dalam bentuk cecair yang mencukupi dengan hanya kolostrum dan susu ibu.

TIDAK! Kolostrum sahaja sudah mencukupi sebagai makanan yang pertama diberikan kepada bayi. Adalah normal bagi bayi yang baru dilahirkan untuk kehilangan 3-6 peratus daripada berat kelahiran mereka. Mereka dilahirkan dengan simpanan air dan gula di dalam badan mereka untuk digunakan pada ketika ini.

Bayi akan menjadi terlalu sejuk.

TIDAK! Bayi-bayi akan berada pada suhu yang bersesuaian apabila mereka bersentuhan kulit dengan ibu-ibu mereka. Apa yang menakutkan ialah suhu buah dada ibu akan meningkat sebanyak 0.5 °C dalam jangkamasa dua minit setelah meletakkan bayi-bayi mereka di atas dada mereka.

Para ibu terlalu penat untuk menyusukan bayi mereka selepas bersalin dan kelahiran.

TIDAK! Pelepasan hormon *oxytocin* yang berlaku apabila terdapat sentuhan kulit di antara ibu dan anak serta penyusuan badan membantu menenangkan ibu selepas melahirkan bayi.

Adalah penting untuk menyedut mulut, hidung, dan *oropharynx* bayi sebelum bayi tersebut menarik nafas yang pertama untuk menghalang bayi daripada menghirup cecair yang keluar ketika kelahiran, terutama sekali sekiranya bayi tersebut mempunyai pergerakan di dalam ususnya ketika di dalam proses kelahiran.

TIDAK! Membuat penyedutan kepada bayi yang normal dan sihat tidak mengurangkan penghirupan cecair mekonium, dan ia mungkin akan menyebabkan kerosakkan tisu di dalam mulut, tekak atau kotak suara. Penyedutan gastrik juga akan mengganggu penyusuan ibu.

Sebaik sahaja bayi dilahirkan, Vitamin K dan ubat-ubatan yang boleh mencegah jangkitan mata gonorrhoea mestilah diberikan kepadanya.

TIDAK! Kolej Obstetrik dan Ginekologi Amerika dan Akademi Perubatan Penyusuan Badan telah menyatakan bahawa langkah-langkah pencegahan ini boleh dilewatkan, iaitu paling lama satu jam, sehingga selepas bayi tersebut diberikan penyusuan badan, tanpa memberikan risiko kepada bayi tersebut. Mereka tidak patut memisahkan bayi daripada ibunya.